



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepc>



**PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN KECEKAPAN
KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR KELAS ALIRAN AGAMA DI
KELANTAN**

*LEARNING APPROACHES AND ARABIC SPEAKING PROFICIENCY
AMONG STUDENTS IN RELIGIOUS STREAM CLASSES (KAA) IN
KELANTAN, MALAYSIA*

Zulailawati Saufi¹, Kamarulzaman Abdul Ghani^{2*}, Nurul Iman Ahmad Bukhari³

¹Department of Language Studies, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

 zulailawatisaufi@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0006-0701-5004>


²Department of Language Studies, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

 kamarulzaman@umk.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-0253-0382>

³Department of Human Development, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

 iman@umk.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-9838-2243>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.01.2026

Revised date: 10.02.2026

Accepted date: 26.03.2026

Published date: 31.03.2026

To cite this document:

Saufi, Z., Abdul Ghani, K., & Bukhari, N. I. A. (2026). Pendekatan Pembelajaran Dan Kecekapan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama di Kelantan. *International Journal*

Abstrak:

Pendekatan pembelajaran merupakan antara faktor dalaman yang berperanan penting dalam mempengaruhi kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kelas Aliran Agama (KAA). Walaupun Bahasa Arab diajar secara sistematik dan berterusan dalam kurikulum pendidikan agama di Malaysia, tahap penguasaan kemahiran bertutur pelajar masih menunjukkan variasi yang ketara. Situasi ini menuntut penelitian terhadap pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar KAA serta menilai tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab mereka. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif yang melibatkan 30 orang pelajar Kelas Aliran Agama di sebuah sekolah menengah terpilih di negeri Kelantan. Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang mengukur pendekatan pembelajaran mendalam dan pendekatan pembelajaran permukaan, manakala kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab dinilai berdasarkan penilaian sendiri pelajar. Data

*of Education, Psychology and
Counselling, 11(62), 1623-1631.*

dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan skor min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran mendalam lebih dominan dalam kalangan pelajar, namun tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab secara keseluruhan masih berada pada tahap sederhana. Kajian ini memberikan implikasi terhadap perancangan strategi pengajaran Bahasa Arab yang lebih komunikatif, kontekstual dan berfokus kepada keperluan pembelajaran pelajar KAA.

DOI:10.35631/IJEPC.1162095

Kata Kunci:

Bahasa Arab; Kemahiran Bertutur; Pelajar Kelas Aliran Agama; Pendekatan Pembelajaran

Abstract:

Learning approaches are among the internal factors that play a significant role in influencing the proficiency of Arabic speaking skills among students in the Kelas Aliran Agama (KAA). Although Arabic is taught systematically and continuously within the Islamic education curriculum in Malaysia, students' mastery of speaking skills still shows considerable variation. This situation calls for further examination of the learning approaches practiced by students in the process of learning Arabic. Therefore, this study aims to identify the learning approaches practiced by KAA students and to evaluate their level of proficiency in Arabic speaking skills. This study employed a quantitative design using a descriptive survey approach, involving 30 KAA students from a selected secondary school in the state of Kelantan. The research instrument consisted of a structured questionnaire that measured deep learning approaches and surface learning approaches, while Arabic speaking proficiency was assessed based on students' self-evaluation. The data were analysed using descriptive statistics, including frequency, percentage, and mean scores. The findings indicate that the deep learning approach is more dominant among students, although the overall level of Arabic speaking proficiency remains at a moderate level. This study is expected to contribute to the development of more communicative, contextual, and learner-centred Arabic teaching strategies, particularly in addressing the learning needs of KAA students.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaxcellence.com

Keyword:

Arabic Language; Kelas Aliran Agama (KAA) Students; Learning Approaches; Speaking Skills;

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu dan ibadah yang mempunyai kedudukan istimewa dalam sistem pendidikan agama di Malaysia, khususnya sebagai medium utama dalam memahami al-Quran serta sumber keilmuan Islam (Kamarulzaman & Nik Mohd Rahimi, 2021). Dalam konteks Kelas Aliran Agama (KAA), penguasaan Bahasa Arab bukan sahaja bertujuan untuk

memahami teks-teks keagamaan, malah turut berfungsi sebagai medium komunikasi lisan yang membolehkan pelajar berinteraksi secara lebih yakin dan berkesan (Al-Seghayer, 2021). Walaupun Bahasa Arab diajar secara sistematik dan berterusan dalam kurikulum pendidikan agama, kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap kecekapan kemahiran bertutur pelajar masih berada pada tahap yang berbeza-beza antara pelajar dan institusi pendidikan (Othman & Rahman, 2022; Yahya & Aziz, 2024). Situasi ini menunjukkan wujudnya jurang antara matlamat kurikulum Bahasa Arab yang menekankan keupayaan komunikasi lisan dengan tahap penguasaan sebenar pelajar di sekolah.

Dalam konteks pembelajaran bahasa, kemahiran bertutur melibatkan proses kognitif dan afektif yang kompleks, termasuk pemahaman makna, pembinaan struktur bahasa, kefasihan serta keyakinan untuk berkomunikasi secara lisan (Shao et al., 2020; Al-Houri, 2021). Oleh itu, variasi dalam tahap kecekapan bertutur tidak boleh dijelaskan hanya melalui faktor pengajaran atau kurikulum semata-mata, sebaliknya perlu diteliti daripada perspektif pelajar, khususnya pendekatan pembelajaran yang mereka amalkan dalam proses pembelajaran bahasa (Gan et al., 2020). Pendekatan pembelajaran merujuk kepada cara pelajar memahami, mengolah dan menggunakan maklumat dalam proses pembelajaran, yang lazimnya dibahagikan kepada pendekatan pembelajaran mendalam dan pendekatan pembelajaran permukaan (Biggs & Tang, 2022). Walaupun kajian berkaitan pendekatan pembelajaran telah banyak dijalankan dalam konteks pendidikan umum dan pembelajaran bahasa asing, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan kepada pencapaian akademik secara umum dan kurang memberi perhatian kepada kemahiran bertutur secara khusus.

Selain itu, dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, kajian empirikal yang meneliti hubungan antara pendekatan pembelajaran dengan kecekapan kemahiran bertutur masih terhad, terutamanya dalam konteks pelajar Kelas Aliran Agama (KAA). Kajian yang sedia ada lebih banyak memberi tumpuan kepada aspek motivasi, strategi pembelajaran atau pencapaian akademik secara umum, manakala hubungan antara pendekatan pembelajaran dan kemahiran bertutur Bahasa Arab masih belum diterokai secara mendalam. Justeru, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian yang lebih khusus bagi meneliti pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar KAA serta hubungannya dengan tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam konteks pendidikan agama di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan.

Kajian Literatur

Pendekatan pembelajaran merujuk kepada kecenderungan pelajar dalam mengurus, memahami dan memproses pembelajaran apabila berhadapan dengan tugas akademik. Pendekatan ini terbentuk daripada interaksi antara niat pelajar dan strategi pembelajaran yang digunakan (Trigwell et al., 2020; Biggs & Tang, 2022). Secara umumnya, pendekatan pembelajaran dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu pendekatan pembelajaran mendalam dan pendekatan pembelajaran permukaan.

Pendekatan pembelajaran mendalam dicirikan oleh usaha pelajar untuk memahami pembelajaran secara bermakna, mengaitkan idea baharu dengan pengetahuan sedia ada serta mengaplikasikan pembelajaran dalam situasi baharu. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran mendalam berkait rapat dengan pencapaian akademik yang lebih baik serta penguasaan kemahiran bahasa yang lebih berkesan, termasuk dalam aspek komunikasi lisan (Ganapathy et al., 2021; Liu & Chu, 2022). Sebaliknya, pendekatan

pembelajaran permukaan lebih berorientasikan hafalan dan pembelajaran mekanikal, yang sering dikaitkan dengan kesukaran menggunakan bahasa secara spontan dan fleksibel (Gan et al., 2020). Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian melaporkan bahawa pelajar sekolah agama masih menghadapi cabaran dalam menguasai kemahiran bertutur Bahasa Arab walaupun memiliki asas linguistik yang memadai (Othman & Rahman, 2022; Zainal et al., 2023). Keadaan ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kecekapan bertutur yang dicapai, di samping pengaruh faktor afektif seperti keyakinan dan emosi pelajar (Shao et al., 2020; Yahya & Aziz, 2024).

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif. Populasi kajian terdiri daripada 30 orang pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) di sebuah sekolah menengah terpilih di negeri Kelantan. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok bagi memastikan keterwakilan responden, selari dengan amalan kajian deskriptif dalam penyelidikan pendidikan bahasa (Gan et al., 2020).

Instrumen kajian ini berbentuk soal selidik berstruktur yang merangkumi tiga bahagian utama. Bahagian pertama mengumpul maklumat demografi responden. Bahagian kedua mengukur pendekatan pembelajaran pelajar berdasarkan dua konstruk utama, iaitu pendekatan pembelajaran mendalam dan pendekatan pembelajaran permukaan yang diadaptasi daripada kerangka Biggs dan Tang (2022). Bahagian ketiga pula mengukur kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab berdasarkan penilaian sendiri (self-assessment) pelajar, iaitu persepsi pelajar terhadap tahap keupayaan mereka sendiri dalam aspek sebutan, kosa kata, struktur ayat, kefasihan dan keyakinan bertutur. Pendekatan penilaian sendiri ini digunakan bagi mendapatkan gambaran awal tentang tahap kecekapan bertutur pelajar berdasarkan persepsi mereka sendiri, selari dengan pendekatan yang digunakan dalam kajian terdahulu dalam bidang pembelajaran bahasa (Liu & Chu, 2022). Walau bagaimanapun, pengukuran ini tidak melibatkan penilaian prestasi pertuturan sebenar oleh penilai luar. Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan skor min bagi menggambarkan corak pendekatan pembelajaran serta tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berkaitan tahap pendekatan pembelajaran dan tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kelas Aliran Agama (KAA). Analisis deskriptif digunakan bagi menghuraikan tahap setiap pemboleh ubah kajian berdasarkan nilai min dan sisihan piawai. Secara khususnya, analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, sama ada pendekatan pembelajaran mendalam atau pendekatan pembelajaran permukaan, serta menilai tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab berdasarkan beberapa aspek utama seperti sebutan, kosa kata, struktur ayat, kefasihan dan keyakinan bertutur. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap setiap pemboleh ubah yang dikaji.

Tahap Pendekatan Pembelajaran Pelajar Kelas Aliran Agama (KAA)

Jadual 1 menunjukkan tahap pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Kelas Aliran Agama (KAA). Secara keseluruhannya, tahap pendekatan pembelajaran pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan 3.31 (SP = 0.49).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran mendalam mencatatkan nilai min yang lebih tinggi iaitu 3.72 (SP = 0.54) berbanding pendekatan pembelajaran permukaan yang memperoleh min 2.89 (SP = 0.61). Nilai ini menunjukkan bahawa pelajar KAA lebih cenderung menggunakan pendekatan pembelajaran mendalam dalam proses pembelajaran Bahasa Arab berbanding pendekatan pembelajaran permukaan.

Perbezaan nilai min antara kedua-dua pendekatan tersebut iaitu 0.83 menunjukkan kecenderungan yang agak jelas ke arah penggunaan pendekatan pembelajaran mendalam. Walaupun demikian, kedua-dua pendekatan masih berada dalam julat sederhana hingga sederhana tinggi, yang menggambarkan bahawa pelajar tidak sepenuhnya meninggalkan pendekatan pembelajaran permukaan dalam pembelajaran mereka.

Dapatan ini memberi gambaran bahawa pelajar KAA menunjukkan kecenderungan untuk memahami kandungan pembelajaran secara lebih bermakna melalui pendekatan mendalam seperti memahami konsep, mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada, dan memberi perhatian kepada pemahaman isi pembelajaran. Namun demikian, dapatan ini hanya menggambarkan tahap pendekatan pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dan tidak menunjukkan hubungan secara langsung dengan tahap kecekapan kemahiran bertutur bahasa Arab kerana analisis hubungan tidak dibincangkan dalam bahagian ini.

Jadual 1: Tahap Pendekatan Pembelajaran Pelajar KAA

Pendekatan Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pendekatan Pembelajaran Mendalam	3.72	0.54	Sederhana Tinggi
Pendekatan Pembelajaran Permukaan	2.89	0.61	Sederhana
Keseluruhan	3.31	0.49	Sederhana

Tahap Kecekapan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar KAA

Jadual 2 menunjukkan tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAA berdasarkan lima aspek utama iaitu sebutan, kosa kata, struktur ayat, kefasihan dan keyakinan bertutur.

Secara keseluruhannya, tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan 3.30 (SP = 0.55). Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAA masih berada pada tahap sederhana dan masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan.

Dari segi aspek yang dikaji, sebutan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.45 (SP = 0.63), diikuti oleh kosa kata dengan min 3.38 (SP = 0.58) dan struktur ayat dengan min 3.29 (SP = 0.61). Sementara itu, kefasihan bertutur memperoleh min 3.21 (SP = 0.66) dan keyakinan bertutur mencatatkan min paling rendah iaitu 3.17 (SP = 0.70).

Perbezaan nilai min antara aspek yang dikaji menunjukkan bahawa pelajar lebih menguasai aspek asas pertuturan seperti sebutan dan kosa kata, namun masih menghadapi cabaran dari segi kefasihan dan keyakinan ketika bertutur dalam Bahasa Arab. Walaupun semua aspek berada pada tahap sederhana, dapatan ini memberi gambaran bahawa peningkatan latihan komunikasi lisan dan aktiviti interaksi bahasa mungkin diperlukan bagi meningkatkan tahap kefasihan serta keyakinan pelajar dalam bertutur.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAA berada pada tahap sederhana tanpa menunjukkan perbezaan tahap yang ketara antara aspek yang dikaji.

Jadual 2: Tahap Kecekapan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar KAA

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sebutan	3.45	0.63	Sederhana
Kosa Kata	3.38	0.58	Sederhana
Struktur Ayat	3.29	0.61	Sederhana
Kefasihan	3.21	0.66	Sederhana
Keyakinan Bertutur	3.17	0.70	Sederhana
Keseluruhan	3.30	0.55	Sederhana

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Kelas Aliran Agama cenderung mengamalkan pendekatan pembelajaran mendalam berbanding pendekatan pembelajaran permukaan. Skor min yang lebih tinggi bagi pendekatan pembelajaran mendalam mencerminkan kecenderungan pelajar untuk memahami dan mengaplikasikan pembelajaran Bahasa Arab secara bermakna, selari dengan dapatan kajian terdahulu dalam pembelajaran bahasa (Ganapathy et al., 2021; Liu & Chu, 2022).

Walaupun bagaimanapun, tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar secara keseluruhan masih berada pada tahap sederhana, khususnya dalam aspek keyakinan bertutur. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran mendalam sahaja belum mencukupi untuk menjamin penguasaan kemahiran bertutur yang tinggi tanpa sokongan strategi pedagogi yang menekankan interaksi lisan, latihan komunikasi dan penggunaan bahasa secara autentik dalam bilik darjah (Al-Seghayer, 2021; Yahya & Aziz, 2024).

Kesimpulan

Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang peranan pendekatan pembelajaran dalam pembelajaran Bahasa Arab di sekolah agama serta menyediakan asas empirikal bagi perancangan pengajaran yang lebih berfokus kepada pembangunan kemahiran bertutur. Walaupun pelajar KAA cenderung mengamalkan pendekatan pembelajaran mendalam, tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab mereka masih berada pada tahap sederhana. Oleh itu, pendekatan pembelajaran mendalam perlu disokong oleh strategi pengajaran Bahasa Arab yang lebih komunikatif dan kontekstual, selaras dengan cadangan kajian terkini dalam bidang pendidikan bahasa (Othman & Rahman, 2022; Yahya & Aziz, 2024). Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang peranan pendekatan pembelajaran dalam pembelajaran Bahasa Arab di sekolah agama serta menyediakan asas empirikal bagi perancangan pengajaran yang

lebih berfokus kepada pembangunan kemahiran bertutur. Walaupun pelajar KAA cenderung mengamalkan pendekatan pembelajaran mendalam, tahap kecekapan kemahiran bertutur Bahasa Arab mereka masih berada pada tahap sederhana. Oleh itu, pendekatan pembelajaran mendalam perlu disokong oleh strategi pengajaran Bahasa Arab yang lebih komunikatif dan kontekstual.

Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini terhad kepada reka bentuk tinjauan deskriptif dan penggunaan penilaian sendiri pelajar. Kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan sampel yang lebih luas serta menggunakan pendekatan inferensi atau kualitatif bagi memperoleh pemahaman yang lebih holistic.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sekolah-sekolah yang terlibat atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Tiada
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Kelulusan Eras KPM. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis 1 bertanggungjawab terhadap pengkonsepan kajian, pembangunan metodologi serta penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis 2 mengendalikan proses pengumpulan data, analisis dan tafsiran dapatan kajian. Penulis 3 menyumbang kepada penyediaan sorotan literatur, penulisan draf awal serta semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- A. Sulaiman. (2025). Creative project-based Arabic language learning strategies and student motivation. *Jurnal Humaniora*, 26(2), 121–135.
- Abdul Rahman, N., Zainal, Z., & Yusoff, M. S. (2022). Faktor dalaman pelajar dan pencapaian Bahasa Arab di sekolah agama. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 15–27.
- Al-Houri, A. H. (2021). Investigating the motivational orientation of learners of Arabic as a foreign language. *International Journal of Arabic-English Studies*, 21(1), 25–44.
- Arabai, F. (2020). Exploring the effects of motivation on Saudi EFL learners' speaking performance. *Arab World English Journal*, 11(1), 66–81.
- Al-Seghayer, K. (2021). Challenges and perspectives in teaching Arabic speaking skills to non-native speakers. *Journal of Language Teaching and Research*, 12(3), 450–458.
- Biggs, J., & Tang, C. (2022). *Teaching for quality learning at university* (5th ed.). McGraw-Hill Education.
- Gan, Z., He, J., & Mu, K. (2020). Learning orientations, language learning strategies, and learner variables: A structural equation modeling analysis. *System*, 88, 102168. <https://doi.org/10.1016/j.system.2019.102168>
- Ganapathy, M., Kaur, S., & Kannan, S. (2021). ESL students' learning approaches and speaking performance in Malaysian secondary schools. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(3), 1891–1908.
- Interactive approaches in Arabic language teaching. (2025). Research compilation on interactive strategies.
- Ismail, M. E., & Yusoff, N. M. (2020). Pembelajaran bermakna dan pencapaian bahasa dalam kalangan pelajar sekolah agama. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1–12.
- Kamaruddin, K., Abu Bakar, M., & Aziz, N. I. (2025). Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab pelajar Diploma Pengajian Islam di UniSHAMS: Pendekatan interaktif dan penggunaan teknologi. *International Journal of Modern Education*, 7(24), 1166–1182.
- Kamarulzaman, A. G., & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2021). Teaching Arabic as a second language in Malaysia: Issues and challenges. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 9(4), 112–120.
- Liu, H., & Chu, W. W. (2022). Deep learning approaches and oral English performance among EFL learners. *Journal of Asia TEFL*, 19(2), 567–584.
- Mohd, K. N., Ismail, N. S., & Ab Rahman, N. A. (2025). Strategi pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 9(3), 1–14.
- Othman, N., & Rahman, N. A. (2022). Penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 12(2), 45–60.
- Sapawi, M. S. M., et al. (2025). Integrating technology into the Arabic language curriculum: A systematic review (2023–2025). *Systematic Review in Language Education*.
- Shao, K., Nicholson, L. J., Kutuk, G., & Lei, F. (2020). Emotions and instructed language learning: Proposing a second language emotions framework. *System*, 86, 102121. <https://doi.org/10.1016/j.system.2019.102121>
- Sulaiman, A. (2025). Creative project-based Arabic language learning strategies and student motivation. *Jurnal Humaniora*, 26(2), 121–135.
- The Use of Digital Teaching Tools to Support Arabic Speaking Skills in Secondary School: a systematic literature review. (2025). *Education Perspectives Journal*.

- Trigwell, K., Prosser, M., & Waterhouse, F. (2020). Relations between teachers' approaches to teaching and students' approaches to learning. *Higher Education*, 79(4), 641–658. <https://doi.org/10.1007/s10734-019-00448-7>
- Yahya, W. R. W., & Aziz, A. A. (2024). Faktor afektif dan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kelas Aliran Agama. *Jurnal Pendidikan Islam*, 39(1), 77–92.
- Yunus, N. N. M. (2024). Strategi pembelajaran sebutan Bahasa Arab dan impaknya terhadap kemahiran bertutur pelajar. *MJSSH: Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Zainal, Z., Rahman, N. A., & Hamzah, M. I. (2023). Keyakinan diri dan penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab pelajar sekolah agama. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 13(1), 21–33